

13/06/2003

Menantikan kejutan dalam ucapan Dr M minggu depan

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mula menulis ucapan dasarnya untuk disampaikan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 minggu depan, ketika melakukan lawatan kerja seminggu ke Perancis dan Jepun pada 30 Mei hingga 6 Jun lalu.

Kali ini Perdana Menteri dikatakan lebih banyak menulis ucapannya itu dalam bilik hotel daripada dalam penerbangan seperti kelaziman. Kali ini juga, beliau tidak lagi menulis ucapan di atas kapal pelayaran seperti dilakukannya seminggu sebelum mengumumkan peletakan jawatan Jun tahun lalu.

Ketika di bilik penginapannya di Hotel Imperial, Tokyo, minggu lalu beliau dikatakan "mencuri" masa selepas minum pagi dan sebelum tidur di antara programnya yang padat, untuk terus menulis ucapan itu dan begitu juga ketika menginap di hotel Beau-Rivage Palace di Lausanne, Switzerland beberapa hari sebelum itu.

Lausanne, bandar peranginan yang terletak di pinggir Tasik Geneva, bersempadan dengan Perancis, mungkin memberi ketenangan fikiran kepada Dr Mahathir untuk mengilhamkan idea melakar ucapan perpisahannya nanti - atas 'platform' Perhimpunan Agung Umno yang terakhir untuknya selaku Presiden parti sebelum mengucapkan 'sayonara' dalam tempoh empat bulan lagi.

Sebab itulah kebanyakan ucapannya dikatakan lahir daripada nalurinya sendiri, bukan bergantung kepada penulis lain dan dirangka berdasarkan pengalaman, isi hati dan apa yang dilihat, dirasa dan difikirkannya betul.

Sumber yang rapat dengannya memberitahu ucapan yang belum diberi tema itu, belum siap dan kini Dr Mahathir masih menulis di samping menyemak semula karangannya sebelum ini kerana masa masih ada seminggu untuk menyiapkannya.

"Tetapi kali ini beliau lebih banyak berehat dalam penerbangan ke Geneva dan Tokyo. Mungkin pada hujung minggu ini, Perdana Menteri hampir menyiapkan sepenuhnya ucapan itu yang dijangka agak tebal," katanya.

Ucapan dasar Presiden Umno pada Perhimpunan Agung Umno pada 20 Jun tahun lalu, kebanyakannya ditulis beliau ketika belayar di kepulauan Mediterranean, seminggu sebelum itu.

Dua hari selepas menyampaikan ucapan bertemakan Mendedah Yang Terbuka itu, beliau mengejutkan negara apabila mengumumkan peletakan jawatan dalam kerajaan dan parti. Bagaimanapun, hasratnya itu hanya dilaksanakan selepas Oktober tahun ini.

Apakah ucapannya pada pembukaan Perhimpunan Agung Umno Khamis depan akan ada kejutan atau ada mesej penting sebelum persaraannya dalam tempoh

empat

bulan lagi? Mungkinkah kandungan ucapan perpisahannya nanti lebih berbentuk nasihat?

Selain ucapan dasar, ucapan penggulungan Presiden Umno itu - kali ini tanpa teks, pada hari terakhir perhimpunan Sabtu depan akan menjadi tumpuan utama dan akan disiarkan secara langsung menerusi TV1.

"Ucapan penggulungan itulah ditunggu-tunggu kerana platform perhimpunan

agung ini yang terakhir dihadapinya selaku Presiden parti, akan pasti digunakan Perdana Menteri untuk menyampaikan pesanan akhirnya, nasihat dan

meluahkan rasa kecewanya terhadap sesuatu perkara yang mungkin dirasakannya belum berjaya dicapai," kata penganalisis politik, Abdul Razak Baginda.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC) itu menyifatkan Perhimpunan Agung Umno kali ini sebagai perhimpunan yang penuh

emosi dan Dr Mahathir dijangka memberi bayangan apa yang akan dilakukannya selepas bersara nanti.

Katanya, sejak kebelakangan ini Dr Mahathir 'kurang diplomatik' dan membuat teguran semata-mata kerana beliau berterus terang demi kepentingan

bangsa, agama dan negara serta bertindak seperti bapa yang mengajar anak supaya menjadi lebih baik.

"Saya tidak terfikir ada sebarang kejutan pada ucapan Dr Mahathir kali ini. Namun saya rasa akan ada suara perwakilan meminta supaya beliau menarik balik keputusannya untuk bersara dan ini perkara biasa dalam politik.

"Tetapi bagi saya desakan seperti itu adalah sesuatu yang tidak adil kepada Perdana Menteri yang dah banyak kali mengulangi hasratnya untuk berundur," katanya.

Bagaimanapun, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata

orang ramai tidak boleh mengatakan bahawa perhimpunan agung parti minggu depan adalah yang terakhir bagi Dr Mahathir.

"Beliau masih Presiden Umno sehingga Oktober depan. Oleh itu kita tidak

boleh nak katakan ini yang terakhir," katanya yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno ketika dihubungi.

Namun, sesetengah pemerhati berpendapat ucapan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga pasti menjadi tumpuan kerana kandungannya akan memberi panduan kepada hala tuju Umno selepas Oktober.

Abdullah yang akan mengambil alih kepemimpinan parti dan kerajaan daripada Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan pertamanya ketika merasmikan

serentak perhimpunan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno pada sebelah malam Selasa ini dan sekali lagi ucapan penggulungan, juga pada hari Sabtu.

"Saya rasa ucapan Dr Mahathir kali ini bukan sekadar menyentuh proses peralihan kuasa malah dijangka membicarakan bagaimana membina Umno supaya

terus kuat dan mantap bagi mengingatkan ahli parti terhadap cabaran yang sedang mereka hadapi sama ada di dalam atau luar negara," kata Ketua

Eksekutif Institut Perkembangan Minda, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir.

Beliau yang juga ahli Exco Pemuda Umno berkata, Dr Mahathir dijangka tidak akan menonjolkan sangat isu politik dalaman parti kerana mahu memberi tumpuan lebih kepada persediaan menghadapi pilihan raya umum akan

datang dan menjamin peralihan kuasa dalam parti berjalan lancar.

Katanya, Dr Mahathir dijangka terus memberi pandangan yang sentiasa segar mengenai kedudukan bangsa Melayu dan Umno.

"Ucapan Pak Lah pula akan turut menjadi perhatian kerana beliau dijangka

mengemukakan wawasannya untuk meneruskan kepemimpinan dalam membentuk

hala tuju parti dengan mengambil kira peranan golongan muda dalam Umno.

"Wawasan kepemimpinan Pak Lah dijangka tidak akan lari daripada asas yang sudah diletakkan oleh Perdana Menteri," katanya.

Mungkin Dr Mahathir juga dijangka memberi bayangan apakah bentuk kepemimpinan baru Umno dalam tempoh peralihan kuasa sebelum Oktober ini serta tanda mengenai tarikh pilihan raya umum akan datang, untuk diterajui

Pak Lah.

Mungkin sedikit bayangan ke arah itu akan turut disampaikannya pada majlis taklimat Presiden untuk semua perwakilan Umno dari seluruh negara pada petang Selasa ini, iaitu kira-kira tiga jam sebelum Pak Lah menyampaikan amanatnya kepada Wanita, Pemuda dan Puteri.

Perbahasan usul ucapan dasar Presiden pula dijangka menguasai perhimpunan kali ini apabila perwakilan dari setiap negeri - ketua perhubungan Umno, menyampaikan penghargaan tertinggi kepada Dr Mahathir kerana kejayaannya memimpin negara selama 22 tahun sehingga mengharumkan nama Malaysia di arena antarabangsa.

Abdul Razak berkata, ketua perhubungan Umno negeri adalah kelompok yang paling kuat memberi sokongan kepada Presiden Umno selama ini dan amat tepat sekali penghargaan itu diberi kepada mereka untuk membahaskan usul berkenaan.

Tarikh 26 Jun ini, lima hari selepas berakhirnya perhimpunan adalah hari

ulang tahun ke-22 Dr Mahathir mengambil alih jawatan Presiden Umno daripada Tun Hussein Onn yang meletak jawatan atas sebab kesihatan. Pada 16 Julai ini pula, genap 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri. Pada 16

Julai 1981, Dr Mahathir mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri Malaysia

keempat pada usia 56 tahun, menjadikannya pemimpin Umno tertua dilantik ke

jawatan itu.

Dr Mahathir pernah memberitahu sebuah majalah asing pada 1982 bahawa berikutan itu, semua idea dan projek yang difikirkannya sejak awal lagi lewat terlaksana kerana dilantik menjadi Perdana Menteri pada usia 'tua'.

Bagaimanapun, banyak pihak berasa beliau terlalu pantas.

Dalam sejarah Umno, penyerahan kuasa presiden oleh Allahyarham Tun Hussein kepada Dr Mahathir pada 1981 adalah perubahan kuasa paling terhormat yang boleh dijadikan panduan ahli.

Apa pun pada sebelah petang Sabtu depan - tumpuan akan sekali lagi

diberi kepada ucapan penggulungan Dr Mahathir di pentas sama - Dewan Merdeka PWTC yang menyaksikan titisan air matanya tanggal 22 Jun 2002 apabila sebak mengumumkan pengundurannya yang mengejutkan dunia.

Apakah kejutan sekali lagi berlaku kali ini?